

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HIS 404 Kajian Ayat-Ayat Hukum

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam LIMA (5) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan. DUA (2) soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Jawapan-jawapan daripada setiap Bahagian hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang berasingan.

Kesemua soalan membawa nilai markah yang sama.

Sila pelihara kertas ini dengan baik kerana ia mengandungi ayat-ayat suci al-Qur'an.

BAHAGIAN A - Jawab DUA (2) soalan

1. Firman Allah s.w.t.:

«يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ، الْحَرْ بِالْحَرْ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنْثِي بِالْأُنْثِي، فَمَنْ عَفَىٰ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٍ فَاتَّبَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِالْإِحْسَانِ، ذَالِكَ تَخْفِيفٌ مِّنْ رَبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ، فَمَنْ اعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَالِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ (١٧٨) وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حِيَاةٌ يَا أَوْلَى الْأَلْبَابِ لِعَلَّكُمْ تَتَّقَوْنَ (١٧٩)» سورة البقرة .

(Al-Baqarah: 178, 179)

- (a) Terjemahkan ayat di atas ke dalam bahasa Malaysia serta nyatakan sebab nuzulnya.

- (b) Nyatakan pendapat Jumhur Fugaha' serta alasan-alasan mereka di dalam kes pembunuhan yang dilakukan oleh seorang yang merdeka ke atas seorang hamba sahaya, dan di dalam kes pembunuhan yang dilakukan oleh seorang Muslim ke atas seorang Dhimmi.
- (c) Bagaimana pula pandangan madhab Hanafi serta alasan-alasan mereka di dalam kes ini?
- (d) Adakah sekumpulan manusia dikenakan hukuman qisas kerana membunuh seseorang?
- (e) Bagaimanakah hukuman qisas dilaksanakan?

2. Firman Allah s.w.t.:

«وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطُعُوا أَيْدِيهِمَا جَزاءٌ بِمَا كَسَبُوا نَكَالٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (٢٨)» سورة المائدة .

(Al-Maidah 38)

- (a) Terjemahkan ayat ini ke dalam bahasa Malaysia, kemudian nyatakan pengajaran yang didapati daripadanya.
- (b) Berikan definisi "curi" menurut pandangan syara', kemudian jelaskan hukuman hudud yang dikenakan ke atas jenayah ini serta hikmat tashri nya.
- (c) Apakah syarat-syarat yang mesti ada di dalam sesuatu kes curi sehingga hukum hudud boleh dilaksanakan ke atas pelakunya.
- (d) Bagaimanakah jenayah curi disabitkan? Jawaban anda hendaklah dihubungkan dengan sabda Rasul Allah s.a.w.: "Elakkan perlaksanaan hukuman hudud kerana sebab-sebab yang meragukan."
- (e) Bagaimanakah hukuman hudud di dalam kes curi dilaksanakan?
3. Menurut Islam, "memakan harta anak yatim" secara zalim adalah suatu perbuatan keji yang termasuk di dalam dosa-dosa besar.

- (a) Sebutkan ayat al-Qur'an yang menerangkan hakikat ini serta nyatakan sebab nuzulnya.
- (b) Bincangkan pandangan ulama tentang konsep al-hijr ala al-safih atau penahanan orang yang tidak sempurna akal daripada menggunakan hartanya.

- (c) Bilakah masanya pihak wasi dikehendaki menyerahkan harta kepada anak yatim yang dijagainya dan apakah yang disyaratkan sewaktu penyerahan harta itu dibuat?
- (d) Terangkan maksud firman Allah s.w.t.

«وَابْتَلُوا الْيَتَامَىٰ حَتَّىٰ بَلْغُوا النِّكَاحَ»
سورة النساء (٦).

- (e) Apakah yang anda fahami daripada firman Allah s.w.t. yang berbunyi.

«وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا فَلِيَسْتَعْفِفْ وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلِيأَكْلِ بِالْمَعْرُوفِ»
سورة النساء (٦).

BAHAGIAN B - Jawab DUA (2) soalan

4. Firman Allah s.w.t.

i. Surah al-`Imran ayat 130.

«يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكِلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُضَاعَفَةً» سورة آل عمران .

ii. Surah al-Rum ayat 39.

«وَمَا أَتَيْتُمْ مِنْ رِبَا لِيَرْبُو فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يُرْبِو عَنْدَ اللَّهِ وَمَا أَتَيْتُمْ مِنْ زَكَاةً تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُضْعَفُونَ» سورة الروم .

iii. Surah al-Nisa ayat 160 - 161.

«فَبَظَلَمُ مَنْ الَّذِينَ هَادُوا حَرَمَنَا عَلَيْهِمْ طَيِّبَاتٍ أَحْلَتْ لَهُمْ وَبَصَدَهُمْ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ كَثِيرًا (١٦٠) وَأَخْذَهُمُ الرِّبَا وَقَدْ نَهَا عَنْهُ وَأَكْلَهُمْ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ» سورة النساء .

iv. Surah al-Baqarah ayat 278.

«يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ، وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنِ الرِّبَا، إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ (٢٧٨)» سورة البقرة .

- (a) Terjemahkan ayat-ayat di atas ke dalam bahasa Malaysia.
- (b) Jelaskan pengertian riba dengan pembahagiannya secara terperinci.
- (c) Sebutkan jenis-jenis bahan yang disepakati boleh menjadi riba. Terangkan kenapa sebahagian daripada bahan-bahan yang berkenaan disepakati dan kenapa sebahagiannya tidak.
- (d) Sejauhmanakah anda faham tentang pengambilan hukum riba daripada ayat 130 Surah al-`Imran.
- (e) Terangkan kesimpulan hukum yang dapat difahami daripada ayat-ayat di atas.

5. Firman Allah s.w.t.

i. Surah al-Baqarah ayat 219

«يَسْأَلُونَكُمْ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ، قُلْ فِيهِمَا إِنَّمَا لِثُمَّ كَبِيرٍ وَمَنَافِعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمًا أَكْبَرٌ مِنْ نَفْعِهِمَا» سورة البقرة (٢١٩)

ii. Surah al-Maidah ayat 90-91

«يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ، فَاجْتَنِبُوهُ لَعْلَكُمْ تَفْلِحُونَ (٩٠) إِنَّمَا يَرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعِدَاوَةَ وَالبغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيُصَدِّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ، فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ (٩١)» سورة المائدة .

- (a) Terjemahkan ayat-ayat di atas ke dalam bahasa Malaysia.
- (b) Jelaskan pengertian al-Khamr serta sebutkan jenis-jenisnya yang disepakati oleh `ulama`.

- (c) Sejauh manakah kefahaman anda tentang pengambilan hukum daripada ayat 90-91 Surah al-Maidah bersabit dengan arak.
- (d) Terangkan hikmah pengharaman minum arak di dalam syari'at Islam.
- (e) Terangkan kesimpulan hukum yang dapat dirumuskan daripada ayat-ayat dan hadith-hadith yang telah menyentuh kes arak secara keseluruhan.

6. Firman Allah s.w.t.

i. Surah al-Nur ayat 30-31.

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغْضُوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فِرْوَاجَهُمْ ذَالِكَ أَزْكَى لَكُمْ إِنَّ اللَّهَ
يَعْلَمُ بِمَا يَصْنَعُونَ (٢٠) وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُبنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ
وَجْهَنَّمْ وَلَا يَبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهُنَّ « سُورَةُ النُّورِ (٢١) .

ii. Surah al-Nur ayat 60.

وَالْقَوَاعِدُ مِنَ النِّسَاءِ الَّتِي لَا يَرْجُونَ نِكَاحًا فَلَيْسَ عَلَيْهِنَّ جُنَاحٌ أَنْ يَضْعُنَ
يَابِهِنَّ غَيْرَ مُتَبَرِّجَاتٍ بِزِينَةٍ، وَأَنْ يَسْتَعْفِفْنَ خَيْرٌ لَهُنَّ، وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ
« سُورَةُ النُّورِ .

- (a) Terjemahkan ayat-ayat di atas ke dalam bahasa Malaysia.
- (b) Jelaskan pengertian al-Hijab.
- (c) Terangkan hikmah tuntutan Islam berhubung dengan aurat lelaki dan wanita di dalam syari'at Islam.
- (d) Sejauhmanakah kefahaman anda tentang pengambilan hukum daripada ayat 60 Surah al-Nur.
- (e) Terangkan kesimpulan hukum yang dapat dirumuskan daripada ayat-ayat di atas secara keseluruhan.